

## Cadang IBS syarat mandatori projek PBT

**Kuala Lumpur:** Kerajaan mencadangkan penggunaan Sistem Binaan Industri (IBS) dijadikan satu daripada terma mandatori dalam kontrak projek pembinaan bangunan awam oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, langkah itu akan menyaksikan semua permohonan projek pembinaan bangunan awam perlu mengikut kepatuhan IBS.

Katanya, jika ia berjaya dilaksanakan, lama-kelamaan

peserta industri akan mula menggunakan sistem berkenaan.

“Kerajaan perlu memastikan industri pembinaan mula berubah ke arah penggunaan teknologi yang lebih canggih bagi memastikan pemainnya kekal kompetitif.

“Industri pembinaan sudah berubah daripada cara konvensional kepada teknologi terkini seperti IBS.

“Justeru, kita perlu melatih pekerja dan profesional yang terbabit dalam bidang



**Industri pembinaan sudah berubah daripada cara konvensional kepada teknologi terkini seperti IBS”**

*Fadillah Yusof*

berkenaan supaya mempunyai cara pemikiran dan cara kerja yang baharu,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2018 dengan tema

“Mencapai Kemuncak Produktiviti” di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, kerajaan juga mempertimbangkan untuk memberikan bantuan insentif kepada syarikat pembinaan kecil bagi melaksanakan penggunaan IBS.

“Namun yang paling penting adalah untuk mencipta jumlah penggunaan yang lebih banyak terlebih dulu.

“Ini kerana apabila jumlah penggunaan meningkat, ia akan membantu mengurangkan kos,” katanya.